

DD93

U B616 BAH  
MAHATHIR - PERJUANGAN

ALOR SETAR, 10 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ANGGOTA UMNO HENDAKLAH MENGUTAMAKAN MATLAMAT PERJUANGAN PARTI DAN BUKANNYA INDIVIDU YANG BAKAL MENJADI CALON DALAM PILIHAN RAYA INI.

+PERLEMBAGAAN UMNO TIDAK LANGSUNG MENYEBUT MENGENAI SIAPAKAH YANG PATUT MENJADI CALON, SEBALIKNYA MENETAPKAN PERJUANGAN UMNO UNTUK MEMBELA BANGSA, AGAMA DAN TANAH AIR,+ KATANYA.

KETIKA BERUCAP KEPADA PARA ANGGOTA PARTI SEBELUM SENARAI BAKAL CALON DIUMUMKAN OLEH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI OSMAN AROFF, DI SINI MALAM INI, PERDANA MENTERI BERKATA, SESEORANG YANG DIPILIH MENJADI CALON TIDAK SEHARUSNYA MENGANGGAP PEMILIHAN ITU SEBAGAI SATU KEMENANGAN DIRI SENDIRI.

TEGAS BELIAU: +ORANG SEMACAM ITU TIDAK MEMPUNYAI JIWA DAN SEMANGAT PARTI+.

BELIAU BERKATA, PARA ANGGOTA PARTI HARUS SEDAR BAHAWA KEKALAHAN SESEORANG CALON SEBENARNYA MERUPAKAN KEKALAHAN PARTI DAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL. -- BERNAMA.

DD30MST 11 10 90